

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN**  
**KAWASAN : BATU SAPI**  
**TARIKH : 7 APRIL 2015, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN (BATU SAPI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha untuk menangani kejadian tanah runtuh di lereng bukit di kawasan Sandakan sejak bencana banjir dan tanah runtuh berlaku pada awal tahun 2011 dan langkah-langkah spesifik untuk menangani masalah tanah runtuh di lereng bukit di Taman Indah Jaya, Sandakan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan daripada kejadian runtuh cerun yang berlaku di Taman Indah Jaya, Sandakan pada 29 Januari 2011 yang lalu, pihak Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains, Sabah telah menjalankan kajian pemetaan cerun di kawasan berkenaan. Hasil kajian tersebut telah diserahkan kepada pihak Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) pada akhir tahun 2013 untuk perhatian dan tindakan Kerajaan Negeri.

Kementerian ini dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah menerusi JKR Negeri Sabah pada bulan Oktober 2014 lalu telah melantik juru perunding geoteknikal swasta untuk menjalankan kajian terperinci mengenai kaedah pembaikan di lokasi berkenaan. Kajian tersebut dijangka akan disiapkan dalam tempoh 12 bulan (Oktober 2015). Untuk tempoh jangka pendek, Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak MPS untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala seperti pemotongan pokok yang berisiko dan juga membersihkan sistem saluran dan perparitan berhampiran. Pada masa kini pemantauan di lokasi dilaksanakan oleh pihak MPS.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7617**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah permohonan yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri bagi mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15 (1), 15 (2) dan 15 (A) untuk penduduk-penduduk negeri Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah permohonan yang telah mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian bagi mendapatkan perakuan dan pengesahan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 19 untuk penduduk-penduduk di negeri Sarawak.